



SIARAN MEDIA

PRESS RELEASE



No. Rujukan: JAKOA.100-9/1/6 (5)

Tarikh: 18 Jun 2026

224,559 MASYARAKAT ORANG ASLI TERUS MENERIMA MANFAAT INISIATIF KERAJAAN

Seramai 224,559 masyarakat Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia terus menerima manfaat daripada pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Inisiatif yang dilaksanakan merangkumi pelbagai peringkat kehidupan, daripada awal usia hingga warga emas, meliputi aspek kebajikan, pendidikan, kesihatan dan pembangunan komuniti. Komitmen ini bukan sekadar menyampaikan bantuan, tetapi membawa mesej bahawa masyarakat Orang Asli sentiasa menjadi sebahagian daripada agenda pembangunan negara.

Antara inisiatif yang disediakan Kerajaan melalui KKDW dan JAKOA termasuklah:

1. Bantuan bagi kategori bayi:

- Bantuan susu formula khas bagi bayi pramatang.

2. Bantuan bagi kategori kanak-kanak:

- Bantuan Pakaian Seragam bagi murid kemasukan Tahun Satu (1) dan Tingkatan Satu (1).
- Bantuan Tuntutan Pelbagai termasuk kos yuran, kelengkapan persekolahan, bahan rujukan dan sokongan pembelajaran murid di sekolah.
- Insentif Wang Saku kepada murid sekolah menengah.
- Perkhidmatan pengangkutan murid.
- Bantuan makanan murid sekolah rendah di kawasan pedalaman.
- Bantuan keperluan diri di asrama.
- Bayaran berkhatan.

3. Bantuan bagi kategori belia:

- Wang Sagu Hati Anugerah Murid Cemerlang bagi peringkat SPM dan STPM.
- Bantuan Sagu Hati *One-off* (Persediaan Kemasukan) bagi peringkat Sijil, Matrikulasi, Pra-Diploma, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.
- Pembiayaan Yuran Pengajian dan Elaun Sara Diri.
- Kemudahan Tiket Penerbangan ke IPT di Sabah dan Sarawak.
- Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 & 3 bagi bidang Pembuatan Pakaian Wanita di Pusat Latihan JAKOA Paya Bungor.
- TVET In-Situ JAKOA – Latihan kemahiran jangka pendek secara terus di perkampungan bagi memastikan akses pendidikan yang inklusif.
- Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) – Latihan teknikal kompetitif dan jaminan penempatan pekerjaan yang stabil.

4. Bantuan bagi kategori dewasa:

- Suntikan Usahawan Alaf Rezeki (SUAR) – Bantuan mesin dan peralatan operasi perniagaan, serta pendigitalan & ICT (perkakasan/perisian).
- Lonjakan Optimasi Niaga (LONJAK) – Bantuan infrastruktur/ubah suai premis, mesin/peralatan, pendigitalan & ICT, dan aset mobiliti & eko-pelancongan.
- Program Sokongan Usahanita Raih Impak A (SURI-A) – Pembiayaan latihan & bimbingan serta pembekalan Kit Permulaan Perniagaan (*Starter Kit*).
- Geran Inisiatif Latihan, Advertasi & Pensijilan (GILAP) – Pembiayaan akreditasi, yuran latihan, ekspo perdagangan, kos promosi & pengiklanan.
- Skim Insentif Sokongan Koperasi (SISKOP) – Bantuan pembangunan modal insan, logistik latihan, kelengkapan asas operasi, dan kempen pemasaran keanggotaan.
- Geran Koperasi Orang Asli (G-KOP) – Bantuan infrastruktur perniagaan, pertanian/penternakan, eko-pelancongan, mesin, ICT dan *mobility asset* serta pemasaran dan promosi.
- Program Tunas Komuniti – Geran projek pembangunan ekonomi berasaskan komuniti.
- Agro Tunas – Bantuan petani pemula dan kecil-kecilan.
- Agrotek – Bantuan teknologi dan mekanisasi pertanian.

5. Bantuan ketika sakit dan urusan kematian:

- Pengurusan jenazah.
- Pengangkutan pesakit/pengiring dan jenazah merangkumi laluan darat dan air.
- Bantuan susu formula khas kepada pesakit terlantar.

6. Bantuan kebajikan dan perubatan lain:

- Bantuan *One-off* badan beruniform.
- Bantuan bakul makanan semasa bencana termasuk pandemik atau penularan wabak serta penyakit berjangkit.
- Pelaksanaan projek jalan, air, elektrik, rumah dan pelbagai projek ameniti sosial seperti balai adat, dewan dan gelanggang futsal.
- Rawatan Hemodialisis/CAPD.
- Pembedahan.
- Peralatan sokongan dan anggota palsu.
- Bayaran ujian makmal, ubat dan vaksin.
- Bantuan kepada pesakit Tibi, Kusta dan penyakit berjangkit.
- Bayaran Pembantu Am Kebajikan Perubatan (PAKP).

Selaras dengan visi dan misi JAKOA serta aspirasi Malaysia MADANI, usaha ini akan terus menjadi keutamaan Kerajaan bagi memastikan kesejahteraan, kebajikan dan masa depan masyarakat Orang Asli terus terpelihara.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, JAKOA

Aras 8,9 & 10, Blok A, Bangunan Suasana PjH,
Lot 2C5, Presint 2, Jalan Tun Abdul Razak,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya.
Tel: 03-8090 3600 / Faks: 03-8090 3839